

TARIKH : 4.8.2019 (AHAD)
MEDIA : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8



Mohamed Azmin (kanan) beramah mesra dengan penerima kunci rumah pada majlis penyerahan kunci Casa Anggun, Sungai Nibong, semalam.
(Foto Ramdzan Maslam/BH)

NCIA teliti cadangan bina Lapangan Terbang Kulim

Georgetown: Kementerian Hal Ehwal Ekonomi menerusi Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) kini sedang meneliti dan mempertimbangkan beberapa cadangan membangunkan Lapangan Terbang Kulim (KXP) di Kulim, Kedah.

Menyertai majlis penyerahan kunci rumah pada majlis penyerahan kunci Casa Anggun, Sungai Nibong, semalam, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata KXP yang akan dibina sebagai lapangan terbang cargo itu adalah keperluan bagi jangka masa panjang yang bakal memberi kesan positif kepada negara dan wilayah utara secara keseluruhannya.

"Kita sedang teliti setiap cadangan KXP melalui NCIA, dan selepas itu ia akan diserahkan kepada kementerian berkaitan untuk dipertimbangkan.

"Sekarang banyak kegiatan ekonomi di selatan Thailand adalah melalui Pulau Pinang, dan sudah tentu pada masa akan datang kapasitinya meningkat, sekali gus memerlukan pelabuhan dan lapangan terbang dinikar taraf," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis penyerahan kunci kepada pemaju Projek Perumahan Pangaspuri Casa Anggun oleh pemaju JKP Sdn Bhd di sini, semalam.

Mac lalu, Mohamed Azmin mengumumkan kerajaan meluluskan tujuh projek dan program impak tinggi di Kedah bernilai lebih RM3.6 bilion, termasuk pembinaan KXP membabitkan pelaburan luar berjumlah RM1.6 bilion.

Fakta nombor

RM3.6 bilion

kos tujuh projek dan program impak tinggi di Kedah

Bagaimanapun, pengumuman itu mendapat reaksi berbeza daripada kerajaan Pulau Pinang yang berpendapat pembinaan KXP akan memberi kesan negatif kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) dan negeri secara amnya.

Mengulas lanjut, Mohamed Azmin berkata, beliau mengambil maklum kegusaran kerajaan negeri terhadap pelaksanaan KXP, yang dikatakan akan dibina dalam jarak kurang 40 kilometer (km) dari Pulau Pinang.

"Mereka (kerajaan negeri) bukan bantah, tetapi mereka berikan pandangan dan ia sudah pun dibincangkan. Projek KXP ini akan saling melengkapi.

"Pulau Pinang ada kekuatannya, tapi kita sedar maklum LTAPP sudah sampai tahap kapasiti maksimum untuk lakukannya besar."

"Jadi, dengan adanya KXP ia boleh mewujudkan pertumbuhan ekonomi yang akan memberi kebaikan kepada semua negeri di wilayah utara," katanya.